



**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KEDUA
BAGI PENGGAL YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM YANG TELAH DIADAKAN
PADA 29 - 31 OKTOBER, 1984.**

BIL: PSUK/PP/007.1.23

MESYUARAT YANG KEDUA BAGI PENGGAL YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM YANG AKAN
DIADAKAN PADA HARI ISNIN, 29HB. OKTOBER, 1984 JAM
9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT,
PULAU PINANG.

SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. Doa

2. Pengumuman oleh Tuan Speaker

3. Membentangkan Risalat-Risalat

Bil. 5 tahun 1984 — Anggaran Hasil dan Perbelanjaan
Negeri Pulau Pinang, 1985.

Bil. 6 tahun 1984 — Anggaran Pembangunan Negeri
Pulau Pinang, 1985.

Bil. 7 tahun 1984 — Laporan Tahunan Perbadanan Pem-
angunan Pulau Pinang Bagi Tahun
1983.

Bil. 8 tahun 1984 — Penyata Kira-kira Pendapatan dan
Perbelanjaan Perbadanan Perpustakaan
Umum, Pulau Pinang bagi tahun 1982.

Bil. 9 tahun 1984 — Penyata Kira-kira Pendapatan dan
Perbelanjaan Perbadanan Perpustakaan
Umum, Pulau Pinang bagi tahun 1983.

Bil. 10 tahun 1984 — Penyata Kira-kira Pendapatan dan
Perbelanjaan dan Tabong Bangunan
Lembaga Muzium Negeri, Pulau Pinang
bagi tahun 1982.

Bil. 11 tahun 1984 — Penyata Kira-kira Pendapatan dan
Perbelanjaan dan Tabong Bangunan
Lembaga Muzium Negeri, Pulau Pinang
bagi tahun 1983.

4. Soalan-Soalan

(A) (Mulut)

(1). Y.B. Encik Karpal Singh bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bagaimanakah pendirian Kerajaan mengenai kelulusan MPPP mengubah syarat kegunaan tanah kawasan College-General bagi mendirikan sebuah Kompleks perniagaan pelancungan yang mewah?
2. Setakat manakah cadangan Kerajaan untuk mengswastakan perkhidmatan dan kemudahan dalam sektor awam?
3. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberi butir-butir berkaitan dengan kenyataan umum yang dibuat oleh beliau sendiri pada 30hb. Mac, 1984 bahawa dasar Kerajaan perlu diulangkaji ekoran dari perlaksanaan Jalan Pantai dan projek-projek menebusguna tanah dalam negeri ini?
4. Adakah apa-apa cadangan untuk mengulangkaji projek jalan pantai? Jika ada, berikan butir-butirnya.
5. Apakah yang menyebabkan rumah pangsa yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang kerap kali condong dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan berlakunya perkara seumpama ini?
6. Apakah sebab projek jalan ke Bukit Bendera dibatalkan dan adakah ianya akan diujud semula?
7. Berapakah jumlah kos perbelanjaan bagi perjalanan YAB. Ketua Menteri ke Amerika Syarikat untuk menjalani pemeriksaan perubatan baru-baru ini?
8. Nyatakan projek-projek rumah kos rendah yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri sehingga ini dan bilangan unit yang telah sedia untuk diperuntukan dalam setiap projek setakat ini?
9. Sejauh manakah Kerajaan Negeri telah mematuhi kadar peruntukan 45% kepada kaum Melayu dan Cina dan 10% kepada kaum India apabila memperuntukkan unit-unit perumahan kos rendah? Adakah cadangan untuk meminda kadar ini?
10. Apakah sebab-sebab cadangan dibuat untuk menukar nama Jalan Arumugam Pillai dan apa pula pendirian Kerajaan terhadap perkara ini.?

11. Mengapakah YAB. Ketua Menteri sebagai Pengetua Negeri ini tidak membuat bantahan kepada Suruhanjaya Pilihanraya terhadap cadangan untuk menambah dan mengubah kawasan-kawasan pilihanraya yang tidak mencerminkan prinsip satu undi untuk satu pemilih dan jelas sekali bertentangan dengan kepentingan penduduk Pulau Pinang?
 12. Mengapakah 4 blok rumah pangsa "walk-up" yang telah siap dibina di Taman Tun Sardon dibiarkan kosong selama lebih setahun meskipun terdapat beribu-ribu pemohon dalam senarai menunggu untuk membeli unit-unit flat seumpama itu?
 13. Berapakah kos KOMTAR sehingga hari ini dan adakah YAB. Ketua Menteri masih percayakan yang projek KOMTAR memang suatu projek yang 'viable'?
 14. Apakah kemajuan sosio-ekonomi yang dijangkakan apabila projek Jambatan Pulau Pinang telah siap kelak?
 15. Bilakah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri meluluskan perakuan-perakuan Majlis Perbandaran bagi memperlingkungkan semua tanah College-General Seminary bagi tujuan Kawasan Perdagangan? Sila beritahu tarikhnya.
 16. Bolehkah YAB. Ketua Menteri terangkan kedudukan dalam laporan polis tentang muka surat daftar tanah College-General Seminary dalam buku daftar di Pejabat Tanah Pulau Pinang yang telah hilang?
- (II) Y.B. Tuan Hj. Md. Noor bin Ahmad bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:
1. Bilakah sistem pentadbiran yang menempatkan seorang Penghulu bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri diadakan? Jika sistem ini tidak dapat dilaksanakan, nyatakan sebab-sebabnya.
 2. Adakah Kerajaan Negeri akan mengujudkan jawatan Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Pulau Pinang? Jika ya, nyatakan bila? Jika tidak, mengapa?
 3. Bilakah Rang Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri Pulau Pinang akan dibentangkan di Dewan ini?
 4. Bilakah wang sebanyak \$300,000.00 bagi projek pembinaan mesjid Jamek Kampong Baharu, Tasek Gelugor

akan diperuntukan dan bilakah projek pembinaannya akan dimulakan?

5. Bilakah projek mengetarkan jalan-jalan luar bandar bagi kawasan Tasek Gelugor akan dilaksanakan?
6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa banyak papan tanda perniagaan dan lain-lain papan tanda di Negeri Pulau Pinang masih menggunakan Bahasa Inggeris tanpa memperdulikan bahasa rasmi negara? Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap papan-papan tanda seperti itu?
7. Adakah apa-apa sistem baru akan dilaksanakan dalam organisasi JKKK dalam negeri ini pada tahun 1985?

(III) Y.B. Tuan Haji Adnan @ Isa bin Hj. Ramli bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah bilangan pejabat Penyelesaian Pesaka Kecil di Pulau Pinang dan berapakah jumlah pegawainya?
2. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat beberapa orang tertentu yang telah mengorek tanah dan memindahkan tanah itu ke tempat lain tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan?
3. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat tanah-tanah sawah yang telah ditambun dengan tanah merah tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan?
4. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mewartakan kawasan PERDA?
5. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah diarah supaya menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengawasi pertumbuhan rumah-rumah ibadat dengan tujuan mengelakkan pembinaan rumah-rumah ibadat secara haram. Adakah jawatankuasa ini telah ditubuhkan?
6. Bilakah Kerajaan Negeri akan mendirikan unit-unit perumahan kos rendah di kawasan Dewan Undangan Negeri Kubang Semang?
7. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa penanam-penanam sayur Bumiputra menghadapi masalah untuk mendapatkan pasaran yang baik bagi hasil tanaman mereka?

(IV) Y.B. Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa terdapat banyak lagi tanah Kerajaan yang telah lama diusahakan secara Lesen Pendudukan Sementara yang masih belum diberi hak milik (Geran)?
2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa proses pemberian tanah daripada daftar sementara kepada hak milik di bawah Kanun Tanah Negara (K.T.N.) tersangat lambat?
3. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa bangunan-bangunan yang dibina di atas tanah yang ditambah di Batu Maung telah mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri?
 - (a) Jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan?
 - (b) Bilakah langkah-langkah itu akan diambil?
4. (a) Bilakah Projek Empangan Mengkuang dijangkakan siap?
- (b) Berapakah bilangan pekerja-pekerja yang akan mengendalikan Projek Empangan tersebut?
- (c) Bolehkah YAB. Ketua Menteri memberi jaminan dan keutamaan pekerjaan kepada penduduk-penduduk yang tanah mereka telah diambil untuk Projek tersebut?
- (d) Pada masa sekarang, berapa orangkah yang telah diambil bekerja?
5. Adakah Kerajaan Negeri sedar sistem korek dan timbus (Dig and Cover) yang dirancang oleh Kerajaan itu telah gagal sama sekali dan menyusahkan orang ramai?
6. Bilakah Tempat Pengumpulan Susu di Seberang Perai Utara akan diadakan?
7. Adakah Kerajaan Negeri akan mengadakan Rancangan Itek Telor Berkelompok di beberapa tempat yang sesuai di Negeri ini?
8. Bilakah projek pemeliharaan ikan dalam sangkar di Sungai Perai akan dimulakan?

9. Adakah Kerajaan Negeri mengadakan peruntukan bagi pemeliharaan ikan ayer tawar?
10. Bagaimanakah kedudukan tanah sawah yang diusahakan dengan cara berkelompok di Padang Menora?
11. Adakah sebarang kesan yang memberi faedah kepada penduduk di sekeliling Sungai Perai dimana anak-anak udang galah telah dilepaskan?
12. Nyatakan bilangan tempat yang mempunyai tanaman sayur secara berkelompok. Sebutkan tempatnya dan keluasan tanah bagi keseluruhannya.
13. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyerahkan penyelenggaraan taliair Jabatan Parit dan Taliair kepada pihak petani dan JKKK?
14. Nyatakan berapakah tukun-tukun tiruan yang dicadang akan diadakan?
 - (a) Berapakah tukun-tukun yang telah dibina?
 - (b) Dimanakah ianya akan ditempatkan?
 - (c) Berapa banyakkah tayar buruk yang digunakan bagi satu tukun?

(V) Y.B. Dr. Khoo Soo Kheng bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang pandangan serius polarisasi kaum yang disuarakan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini dan samada sebuah jawatankuasa khas akan ditubuhkan untuk mengenalpasti punca-punca polarisasi kaum di Pulau Pinang dan memperakukan cara penyelesaian masalah-masalah ini? Jika ya, sebagai langkah pertama, adakah Kerajaan Negeri akan mendahului lain-lain negeri dalam usaha memansuhkan penggunaan istilah "Bumiputra" dan "Bukan Bumiputra" di kalangan rakyat dalam urusan hariannya? Jika tidak, apakah halangan-halangan besar yang menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat berbuat demikian?
2. Adakah benar lebihkurang 60 unit rumah kos rendah, fasa I, di Skim Perumahan Sungai Jawi yang tidak diperuntukan walaupun rumah-rumah itu telah siap dibina, telah didapati dalam keadaan rosak dan memerlukan kos pembaikan sebanyak \$500.00 se unit? Adakah

beliau sedar bahawa kelambatan dalam urusan memperuntukan dari Bahagian Perumahan Negeri ini telah menyebabkan Kerajaan Negeri mengalami kerugian wang sebanyak lebihkurang \$30,000.00? Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil agar pembaziran wang rakyat seumpama itu tidak akan berulang lagi pada masa depan?

3. Bilakah Yayasan Pulau Pinang akan dilancarkan dan adakah segala aspeknya telah diteliti? Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin wang pelaburan dilabur secara bijak?
4. Bilakah soalan kekurangan tekanan air di Seberang Perai Selatan dibangkitkan buat kali pertamanya dalam Dewan ini? Sejak tarikh itu, apakah rancangan-rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang telah diambil untuk mengatasi masalah itu dan sejauhmana rancangan-rancangan ini telah mencapai tujuannya?
5. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang adanya keluarga-keluarga di Seberang Perai Selatan yang telah membeli mesin basuh dan 'water-heater' tetapi tidak dapat menggunakannya akibat tekanan air rendah di kawasan itu? Jika ya, adakah Pihak Berkuasa Air akan mengumumkan dalam surat khabar tempatan tentang ketidakmampuannya meninggikan tekanan air di kawasan tersebut agar rakyat tidak kerugian disebabkan membeli barang-barang yang tidak boleh digunakan dengan tekanan air yang rendah?
6. (a) Mengapakah apabila air dibekalkan kepada rumah-rumah baru, tuanpunya rumah dikehendaki membayar beberapa ratus ringgit sebagai sumbangan sesalur? Adakah beliau sedar bahawa tuntutan seumpama ini telah ditarikbalik oleh Lembaga Letrik Negara?
- (b) Apakah sebab-sebab penternak ayam-itek dan babi yang memerlukan bekalan air dikehendaki membayar sumbangan sesalur mengikut ukuran reban/kandang mereka?
7. Adakah Jalan Gharry Kuchi di pekan Nibong Tebal akan diperlebar dan diperbaiki keadaannya memandangkan banyak skim perumahan dan sekolah-sekolah terkumpul disitu?

(VI) Y.B. Dr. Sak Cheng Lum bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Adakah Kerajaan Negeri sedar tentang masalah banjir di Butterworth yang semakin lama semakin serius? Jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk meringankan masalah banjir ini sebelum Pelan Induk Pamaritan boleh dilaksanakan?
Apakah usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan Pelan Induk Pamaritan yang telah siap beberapa tahun lalu?
2. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa pada umumnya kerja-kerja membaiki semula jalan-jalan selepas melaksanakan kerja-kerja projek Pembetulan Najis di Butterworth tidak begitu memuaskan (contohnya di Jalan Raja Uda, Jalan Permatang Pauh, jalan-jalan di kawasan perusahaan Mak Mandin dan lain-lain)? Jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh yang berkenaan untuk memastikan jalan-jalan itu dapat dibaiki dengan memuaskan?
3. Apakah rancangan yang diadakan untuk membangunkan lagi perpustakaan umum di Georgetown dan Butterworth?
4. Adakah penduduk-penduduk di kawasan tepi laut Jalan Jeti Lama, Kampung Gajah dan Kubang Buaya akan terjejas dengan projek pembinaan Dermaga Dalam baru di Butterworth? Jika ada, adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk menempatkan semula penduduk-penduduk ini?
5. Bolehkah YAB. Ketua Menteri senaraikan rancangan-rancangan rumah kos rendah yang telah dikenalpasti untuk diswastakan? Sila berikan butir-butir yang berkenaan seperti bilangan unit, tarikh peraksanaan projek dan lain-lain.
6. Adakah Kerajaan Negeri sedar tentang masalah hakisan di Pantai Bersih, Butterworth belum diatasi lagi dan segala langkah-langkah yang telah diambil telah gagal? Jika ya, bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengatasi masalah hakisan ini dan apakah rancangan lengkap yang akan diambil?
7. (a) Apakah rancangan-rancangan yang diatur oleh Kerajaan Negeri untuk mempertinggi taraf dan juga membangunkan Bukit Bendera?

- (b) Apakah projek-projek yang akan dirancang untuk membangunkan lagi Kebun Bunga Pulau Pinang sebagai satu tempat yang menarik dan tempat rekreasi untuk rakyat?

8. Satu perkhidmatan "hot-line" (No. 373737) telah di adakan di KOMTAR untuk orang awam membuat aduan. Apakah kesan yang dapat dihasilkan oleh perkhidmatan itu? Apakah jenis-jenis panggilan yang telah diterima? Bagaimanakah panggilan-panggilan dan aduan-aduan diuruskan?
9. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa Jalan Chain Ferry, Butterworth di tukar kepada jalan sehalu dan ini telahpun mendapat bantahan dan rasa tidak puas hati dari kalangan masyarakat di Butterworth? Jika ya, apakah sebabnya Jalan Chain Ferry ditukar kepada jalan sehalu? Adakah penukaran ini tetap atau dalam percubaan? Memandang kepada bantahan-bantahan yang dibangkitkan oleh orang awam, bolehkah Kerajaan Negeri membatalkan cadangan jalan sehalu tersebut?

(VII) Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk membangunkan perkampungan dan kampung seperti Perkampungan Jawi, Perkampungan Wellesley, Perkampungan Sungai Kecil, Kampung Sungai Duri, Kampung Sempah dan Kampung Tasek yang masih belum menikmati pembangunan Negeri Pulau Pinang dan meninggikan taraf hidup penduduk ditempatkan-tempat tersebut? Jika ya, sila beritahu apakah jenis projek dan bilakah ianya dapat dilaksanakan?
2. Sepertimana yang sedia maklum, pihak Jawatankuasa Perumahan Negeri telah memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri akan mengadakan satu sistem memperuntukkan unit-unit perumahan kos rendah yang dibina oleh Kerajaan secara adil dan saksama dan boleh diterima oleh semua pihak.
- (a) Adakah sistem tersebut diamalkan?
- (b) Adakah unit-unit diuntukkan mengikut sistem cabut undi (balloting) yang disaksikan oleh orang-orang kenamaan ditempat orang awam?
- (c) Adakah unit-unit diuntukkan kepada pemohon-

pemohon yang terdiri daripada golongan miskin dan yang benar-benar memerlukan rumah?

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengeluarkan beberapa syarat kepada semua penternak babi di Seberang Perai supaya menyediakan "concrete sump pits" berdasarkan kepada bilangan ekor babi dan sebagainya? Kebanyakan penternak ini adalah berlesen dan telah menunaikan syarat-syarat MPSP termasuk menyediakan "sump pits". Bagaimanapun dengan syarat-syarat baru yang dikeluarkan ini telah membeban dan menambahkan lagi perbelanjaan serta juga menimbulkan beberapa kesulitan kepada mereka.

- (a) Dengan keadaan demikian, adakah sebarang langkah akan diambil untuk mengarahkan pihak MPSP menarik balik syarat-syarat baru ini?
- (b) Memandangkan kepada kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penternak-penternak dan syarat-syarat baru yang dilaksanakan oleh MPSP, maka bolehkah kawasan Pulau Burung dijadikan satu kawasan pusat untuk ternakan babi?

4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa beberapa batang jalan yang telah dibina oleh Kerajaan beberapa tahun yang lalu masih dalam keadaan taraf jalan tanah merah? Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meninggikan taraf jalan-jalan seperti berikut:—

Jalan Ladang Victoria;
Jalan Sempah;
Jalan Transkrian;
Jalan Lima Kongsu; dan
Jalan Padang Lallang/Kepala Gajah?

Jika ada, bilakah rancangan itu dapat dilaksanakan?

(VIII) Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. (a) Berapa banyakkah jumlah cukai taliair yang telah dipungut oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 1982, 1983 sehingga bulan September 1984?
- (b) Adakah difahamkan bahawa cukai pelajaran telah dihapuskan. Adakah Cukai Taliair juga akan dihapuskan?

Jika ya, bilakah ianya akan dikuatkuasakan?

2. (a) Berapa banyakkah tempat mengumpul susu yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang.
- (b) Berapakah jumlah lembu-lembu susu yang terdapat dalam Negeri Pulau Pinang pada masa ini dan berapa pula jumlah penternak-penternaknya?
- (c) Adakah tempat-tempat mengumpul susu yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang berkeupayaan membeli susu dari penternak-penternak lembu susu dalam negeri?
- (d) Adakah syarat-syarat atau peraturan yang ditetapkan bagi penternak-penternak mendapatkan lembu-lembu susu dari Kerajaan.
 - (i) secara bantuan atau subsidi, dan
 - (ii) secara pembelian terus?
- (e) Berapa lamakah masa yang diambil untuk membekalkan lembu-lembu susu kepada penternak-penternak?
- (f) Berapa banyakkah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk penternak-penternak yang sedia ada dan penternak-penternak baru?
- (g) Adakah peruntukan yang disediakan telah dibelanjakan mengikut program Kerajaan Negeri?
3. Adakah projek lembu daging yang diternak secara memberi makanan hampas kelapa sawit seperti di Kluang boleh menguntungkan penternak-penternaknya? Jika ya, adakah projek ini akan dilaksanakan secara meluas di Negeri ini?
4. Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk mencari gali petroliaam di kawasan perairan dasar laut Pulau Pinang?
5. Adakah Kerajaan sedar bahawa tanah bukit yang dihakis oleh hujan di sepanjang Jalan Tun Sardon yang kemudian menjadi lunggukan pasir di dalam parit tepi jalan boleh mendatangkan hasil jika ditawarkan? Jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan?

6. Adakah pembuangan batu dan tanah di atas Jalan Paya Terubong telah dimaklumkan terlebih dahulu kepada Kerajaan? Jika tidak, apakah tindakan lanjut Kerajaan terhadap pengusaha berkenaan?
7. (a) Adakah Kerajaan sedar bahawa pihak kontraktor yang memperbaiki atau memasang sesuatu kemudahan asas di tepi atau di atas jalanraya telah menukar hala laluan dengan tidak mempunyai pengawasan yang rapi yang menyebabkan kesukaran kepada pemandu-pemandu?
Jika ya, adakah pihak-pihak yang berkenaan telah memaklumkan terlebih dahulu kepada Jabatan Lalu Lintas untuk diwartakan atau tidak?
- (b) Adakah Kerajaan sedar bahawa pihak kontraktor yang menjalankan apa jua kerja di jalanraya telah tidak meletakkan lampu isyarat, ditempat yang sesuai dan mudah kelihatan yang mana telah mengakibatkan kemalangan dan membahayakan keselamatan pengguna-pengguna jalanraya, terutamanya diwaktu malam?
Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengelakkan perbuatan begini daripada terus berlaku?
8. Adakah Kerajaan sedar bahawa Jalan Pondok Upeh, bermula dari persimpangan Jalan Tun Sardon hingga ke persimpangan pekan Simpang Empat, Balik Pulau, bertampung-tampung dan tidak rata serta amat buruk sekali untuk laluan kenderaan? Adakah Kerajaan ber-cadang untuk memperbesar dan mengetarkan semula jalan tersebut?
Jika ya, bilakah kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan?
9. (a) Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membina jejambat di jalan-jalan yang sibuk bagi menggantikan sistem lampu isyarat di Negeri ini?
- (b) Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk menggunakan terowong (jalan bawah tanah) bagi mengelakkan kesesakan lalulintas?
10. Apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi kesesakan tempat letak kereta di Negeri Pulau Pinang?
11. (a) Siapakah pemilik tempat letak kereta di KOM-TAR? Adakah ianya dipunyai oleh Kerajaan Negeri atau telah dipindahmilik kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang?

(b) Mengapakah tempat letak kereta Ahli Dewan Undangan Negeri diletakkan di bahagian penjuru dan tidak di letakkan sekali dengan ruang tempat letak kereta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan?

12. Mengapakah Kerajaan masih mengamalkan pembahagian rumah kos rendah secara tidak sekali gus, iaitu sedikit demi sedikit? Tidakkah ada cara lain untuk mengelakkan salah faham atas pembahagian kuota seperti yang telah ditetapkan sekiranya sistem ini terus di-amalkan?
13. Adakah Kerajaan sedar bahawa tempat pelancungan Air Terjun Titi Kerawang, Balik Pulau, adalah suatu tempat yang merbahaya yang selalu meragut nyawa para pengunjung? Jika ya, mengapakah kawalan keselamatan dan langkah-langkah perlu tidak diambil terhadap penceroboh-penceroboh yang memasuki kawasan larangan Pihak Berkuasa Air di bahagian atas tempat pelancungan itu?
14. Bilakah taman binatang (zoo) akan dibina di kawasan Telok Bahang?
15. Bilakah pasar awam yang telah dicadangkan untuk dibina berdekatan dengan pekan Telok Bahang akan dilaksanakan?
16. Adakah Kerajaan sedar bahawa jambatan kayu yang merintang sungai di jalan tanah merah Telok Awak, Telok Bahang, telah reput dan hampir roboh dan membahayakan keselamatan pengguna-pengguna? Jika ya, adakah Kerajaan bercadang akan membina semula jambatan ini? Jika ya, bilakah akan dilaksanakan?
17. Bilakah pihak Kerajaan akan membina jalan tar dan parit di seluruh kawasan penempatan semula Permatang Damar Laut, Sungai Ara, Batu Maung dan Gertak Sanggul?
18. Bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan Kompleks Pentadbiran Daerah yang meliputi Pejabat Daerah dan Tanah, rumah kos rendah, pusat perdagangan dan perumahan di Pondok Upeh, Balik Pulau?

(IX) Y.B. Tuan Haji Ahmad Safie bertanya kepada Y.A.B., Ketua Menteri:—

1. (a) Berapakah jumlah permohonan yang diterima bagi menukar syarat tanah pertanian kepada pe-

rumahan semenjak tahun 1981, 1982, 1983 dan 1984?

- (b) Daripada jumlah tersebut, nyatakan jumlah permohonan mengikut daerah seperti di bawah ini:—

- (i) Seberang Perai Utara
- (ii) Seberang Perai Tengah
- (iii) Seberang Perai Selatan
- (iv) Barat Daya
- (v) Timur Laut

dan jumlah keluasan dan

- (c) Berapakah jumlah yang tidak diluluskan mengikut daerah dan berikan sebab-sebabnya?
2. (a) Berapakah jumlah bilangan permohonan yang diterima bagi Lesen Pendudukan Sementara?
- (b) Dari jumlah itu, berapakah jumlah yang diluluskan mengikut daerah dan kaum?
3. (a) Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa proses untuk mendapat kelulusan menukar syarat kegunaan tanah dan Lesen Pendudukan Sementara mengambil masa begitu lama hingga melebihi masa dua atau tiga tahun?
- (b) Jika ya, apakah sebabnya kelewatan ini terjadi?
4. (a) Berapakah jumlah permohonan Lesen Pendudukan Sementara yang telah diterima bagi ternakan kerang mengikut daerah?
- (b) Berapakah permohonan yang telah diluluskan mengikut daerah dan jumlah yang tidak lulus dan berikan sebab-sebabnya?
- (c) Berapakah jumlah Lesen Pendudukan Sementara yang telah dikeluarkan kepada pemohon-pemohon setakat ini? Bilakah bakinya akan dikeluarkan?
5. (a) Adakah apa-apa permohonan diterima daripada penduduk Kampong Che Aminah, Jalan Bukit Panchor, Nibong Tebal, S.P.S. bagi pemberian milik tanah?
- (b) Jika ada, bilakah tarikh permohonan-permohonan itu dibuat dan adakah keputusan telah disampaikan kepada pemohon-pemohon?

6. (a) Berikan senarai projek-projek perumahan kos rendah yang telah dibina dalam rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat mengikut kawasan dan jumlah bagi tiap-tiap daerah.
- (b) Berapakah jumlah unit yang telah siap dibina mengikut kawasan bagi tiap-tiap daerah?
- (c) Berapakah unit yang telah diperuntukkan kepada pemohon-pemohon mengikut kaum bagi kawasan-kawasan di setiap daerah?
7. (a) Adakah YAB. Ketua Menteri sedar kelewatan yang diamalkan dalam memperuntukkan unit-unit perumahan kos rendah Kerajaan kepada pemohon-pemohon yang berjaya telah mendatangkan kerugian kepada Kerajaan?
- (b) Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini?
8. (a) Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa menyediakan kemudahan dewan pelbagaiguna untuk penduduk luar bandar menjalankan berbagai kegiatan amatlah perlu dan mustahak di setiap daerah?
- (b) Jika ya, bilakah projek-projek ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan?
9. (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyusun rancangan pertubuhan belia samada dari segi latihan, kursus dan lain-lain?
- (b) Sila senaraikan rancangan-rancangan yang disusun mengikut daerah.
10. (a) Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa peratus pengangguran di kalangan belia-belia di negeri kita adalah semakin bertambah?
- (b) Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasinya?
11. Sebagaimana yang telah pernah saya beritahu Dewan ini, permohonan bagi memperbaiki atau membina semula dua buah mesjid di Sungai Bakau dan Simpang Tiga, daerah Nibong Tebal belum lagi diberi perhatian. Bilakah permohonan itu akan dipertimbangkan dan dilaksanakan?

12. (a) Berapakah jumlah perbelanjaan sebenar yang telah dibelanjakan bagi Pesta Pulau Pinang sejak tahun 1982 hingga 1983?
- (b) Daripada jumlah itu, berapakah jumlah pendapatan atau pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri?
- (c) Memandangkan pesta ini melibatkan perbelanjaan yang sangat banyak dan bertentangan dengan konsep Kerajaan dalam dasarnya untuk menerapkan nilai-nilai Islam adakah apa-apa cadangan untuk dikaji semula atau dibatalkan?

(B) Bertulis:

(I) Y.B. Encik Liang Thau Sang bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Adakah Kerajaan telah meluluskan projek memasang lampu isyarat di persimpangan Jalan Taman Chai Leng dengan Jalan Baru, Perai? Jika ya, bilakah projek ini akan dilaksanakan? Berapakah anggaran perbelanjaan bagi projek itu?
2. Oleh kerana keadaan tanah yang menurun di kebanyakan jalan di Taman Chai Leng telah menyebabkan air bertakung selepas hujan lebat, akibatnya jalan-jalan pun rosak. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membaiki keadaan tersebut?
3. Adakah Ketua Menteri sedar bahawa di Kampung Teluk, Jalan Baru, Perai masih terdapat lebih kurang 200 keluarga yang belum mendapat bekalan letrik dan air? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membaiki keadaan tersebut?
4. Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk mengetarkan dua batang jalan tanah di Bukit Kecil dan Kampong Sungai Semilang, Juru, Bukit Mertajam? Jika ya, bilakah rancangan ini dapat dilaksanakan?
5. Adakah Kerajaan merancang untuk memperluaskan perkampungan-perkampungan dalam Negeri ini?

Jika ya, perkampungan manakah yang terlibat?
Bilakah rancangan ini akan dijalankan?

6. Bandar Seberang Jaya telah berkembang dengan pesat dan oleh itu masalah penjaja pun menjadi bertambah rumit. Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

mempunyai apa-apa rancangan untuk membina sebuah pusat penjaja di Bandar Seberang Jaya? Jika ya, dimanakah dan bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?

8. Kekurangan air telah menyebabkan beberapa ratus ekar tanah sawah padi di Juru menjadi tanah rang dan akibatnya kehidupan rakyat yang terlibat telah terjejas. Adakah rancangan Kerajaan untuk memulihkan tanah-tanah rang tersebut?
9. Di Bandar Seberang Jaya, khasnya bagi penduduk-penduduk di unit-unit rumah pangsa, 'funeral parlour' sudah menjadi satu keperluan yang tidak dapat dielakkan. Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang menyediakan kemudahan bagi tujuan tersebut? Jika ya, sila berikan butir-butirnya.
10. Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang menyediakan tapak-tapak untuk mendirikan surau, tokong Cina dan kuil Hindu di Bandar Seberang Jaya bagi memenuhi keperluan rakyat dari segi ugama? Jika ya, dimanakah tapak-tapak tersebut?

(II) Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Adakah YAB. Ketua Menteri sedar bahawa kebanyakan hakmilik tanah yang diperolehi oleh penduduk-penduduk di Perkampungan Jawi, Sungai Bakap adalah bagi tempoh 33 tahun sahaja dan ianya akan tamat pada tahun 1987, 1988 dan 1989? Jika ya,
 - (a) bolehkah Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa ianya akan dapat diperbaharui tanpa kenaikan bayaran hasil?
 - (b) Berapakah jumlah pemilik yang sedang dalam kedudukan sedemikian?
 - (c) Adakah pihak yang berkenaan telah mengambil tindakan untuk membolehkan mereka memperbaharui hakmilik mereka? Jika ada, apakah langkah-langkah tersebut?
 - (d) Berapa lamakah pihak yang berkenaan mengambil masa untuk memproses pembaharuan tersebut?

(III) Y.B. Encik Lim Heng Tee bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Apakah kemudahan perpustakaan yang disediakan oleh Pihakberkuasa Negeri bagi menampung keperluan rakyat Pulau Pinang?

- (a) Berapa banyakkah buku, jenis majallah dan cetakan-cetakan lain di dalam berbagai bahasa (iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil) yang terdapat di Perpustakaan Negeri pada masa kini?
 - (b) Adakah sebarang rancangan untuk memperbaiki perkhidmatan perpustakaan yang terdapat sekarang, terutamanya di Seberang Perai? Jika ya, apakah rancangan tersebut?
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengadakan sebuah perpustakaan di Bukit Mertajam pada masa akan datang?
2. Berapakah keluasan tanah yang diusahakan dengan tanaman di negeri ini?
 - (a) Daripada jumlah tersebut, nyatakan keluasan tanah yang ditanam dengan padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman lain-lain.
3. Berapa ekarkah tanah rang yang telah dipulihkan?
 - (a) Berapa ekarkah tanah yang terdahulu ditanam dengan padi dan kini ditanam dengan sayur-sayuran dan tanaman lain?
 - (b) Berapakah pendapatan purata setahun yang diperolehi oleh pesawah-pesawah dan petani-petani tanaman yang lain di negeri ini?
4. Berapa peratuskah daripada projek KOMTAR yang asal telah siap? Berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan setakat ini? Bilakah keseluruhan projek ini dijangka akan siap semuanya?
 - (a) Memandangkan kepada kejayaan projek KOMTAR, adakah Pihak Berkuasa Negeri mempunyai rancangan untuk memajukan projek-projek pembaharuan bandar lain dalam Negeri ini pada masa hadapan? Jika ya, apakah projek-projek itu?
5. Jalan-jalan di perkampungan-perkampungan Machang Bubuk dan Permatang Tinggi telah dibina lebih dari 20 tahun dahulu dan keadaannya sekarang sangat buruk. Bolehkah pihakberkuasa yang berkenaan memberi keutamaan untuk memperbaiki jalan-jalan tersebut?
6. Memandangkan lalulintas yang sesak dan juga demi keselamatan para pengguna jalanraya setiap hari termasuk penuntut-penuntut sekolah menengah dan

rendah di Jalan Kampong Baru, Bukit Mertajam, adakah Pihak Berkuasa Negeri akan memberi pertimbangan dan keutamaan untuk menaikkan taraf dan, jika boleh, menurap semula Jalan Kampong Baru?

7. Hasil dari perubahan sistem terafik di pekan Bukit Mertajam baru-baru ini, Lorong Ciku yang merupakan sebatang jalan tanah yang sempit kini menjadi laluan lalulintas yang sibuk dan menyebabkan kerosakan jalan. Bolehkah pihakberkuasa yang berkenaan mengambil langkah-langkah segera untuk menaikkan taraf (umpamanya menurap) Lorong Ciku bagi mengelakkan keadaan kesesakan tersebut?
8. Berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan bagi projek mengetarkan jalan-jalan luar bandar sejak tahun 1978? Daripada jumlah ini, berapa banyakkah yang telah diperuntukkan bagi perkampungan-perkampungan dalam negeri ini?
9. Apakah projek-projek perumahan kos rendah yang telah dirancang bagi kawasan Machang Bubuk dan Permatang Tinggi? Sila nyatakan bilangan unit, kos dan tarikh jangka mula dan siap projek-projek tersebut.
10. Berapakah jumlah cukai tanah yang telah dipungut dalam tahun 1983 dan 1984? Berapakah tunggakan cukai tanah yang terkumpul pada akhir tahun 1983 dan setakat ini? Mengapakah tindakan mahkamah tidak diambil untuk mendapatkan balik tunggakan-tunggakan tersebut seperti mana pernah diumumkan dahulu?
11. Berapa banyakkah kes-kes permohonan tanah yang belum diproses lebih daripada setahun, dua tahun dan tiga tahun setelah permohonan-permohonan itu diterima oleh pejabat-pejabat tanah yang tertentu? Apakah sebab-sebab utama yang menyebabkan kelambatan bagi memproses permohonan tersebut? Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempercepatkan proses permohonan tanah itu?

(IV) Y.B. Encik Song Ban Kheng bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Adakah Jalan Maju dan Jalan Sri Bukit di Bukit Mertajam sebahagian daripada Lebuhraya Timur-Barat bagi jangkamasa panjang? Jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki jalan-jalan tersebut?

2. Memandangkan kepada kedudukan perhentian bas yang sekarang ini terletak di Jalan Arumugam Pillai, Bukit Mertajam tidak begitu sesuai, adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah perhentian bas yang lebih sesuai di tempat itu? Jika tidak, apakah sebabnya?
3. Dalam rancangan menaikkan taraf jalan kampung di Daerah Seberang Perai Tengah bagi tahun 1983, berapakah jumlah panjang jalan yang telah dinaikkan taraf dan berapa batang jalan pula yang terlibat?
4. Adakah Kerajaan Negeri telah mula memproses permohonan-permohonan bagi memperbaharui pajakan tanah di perkampungan-perkampungan dalam negeri kita? Jika ya, berapa bilangan permohonan yang berjaya dan berapa pula permohonan yang tidak berjaya?
5. Adakah Majlis Perbandaran Seberang Perai meminta kelulusan Kerajaan Negeri untuk menaikkan kadar cukai pintu?
6. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang menaikkan tambang feri selepas Jambatan Pulau Pinang siap? Jika ya, apakah sebab-sebabnya?

(V) Y.B. Dr. Tan Chong Teik bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:—

1. Pada bulan November, 1983, saya telah meminta Pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang membina pagar besi di tepi longkang besar di sekitar 6 Point Blok, Lorong Mahsuri 7, 10,11, Bandar Bayan Baru. Perkara ini sedang dalam pertimbangan. Kini telah hampir setahun dan apakah keputusan Perbadanan mengenai pagar besi ini dan bilakah ianya akan diadakan?
2. Adakah Kerajaan akan menaikkan cukai tanah pada tahun 1985? Jika ya, berapakah kadar kenaikannya?
3. Berapakah bilangan unit rumah kos rendah Kerajaan yang telah diambilbalik? Sila jelaskan sebab-sebab unit perumahan itu diambilbalik dan bilangan yang diambilbalik mengikut tiap-tiap sebab. Sila berikan pecahan mengikut agihan kaum dan projek.
4. Berapakah bilangan unit rumah kos rendah Kerajaan yang belum diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan bilakah unit-unit itu akan diperuntukkan?

5. Berapakah bilangan unit-unit rumah kos rendah Kerajaan yang sedang dalam pembinaan dan berapa unit yang telah disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat? Bilakah unit-unit tersebut akan diperuntukkan?

(VI) Y.B. Encik Encik Karpal Singh bertanya kepada YAB .Ketua Menteri:

1. Berapakah jumlah rumah-rumah setinggan yang berada di atas tanah Kerajaan pada masa ini dengan memberi butir-butir lanjut tentang lokasinya?
2. Berapakah tawaran biasiswa^b negeri untuk universiti/kolej yang telah diberikan bagi tahun 1984 bersama butir-butir berkaitan dengan pecahan kaum, kursus-kursus yang ditawarkan dan nama institusi-institusi pengajian tinggi tersebut?
3. Berapakah bilangan aduan yang telah diterima oleh Pihak Berkuasa Air, Pulau Pinang pada tahun ini dan berikan butir-butir lanjut dan jenis aduan dan kedudukan serta tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah tersebut?
4. Bagaimanakah kedudukan tentang skim pencen pekerja-pekerja keretapi Bukit Bendera? Berikan butir-butir mengenai bilangan pekerja yang terlibat, pencen yang perlu dibayar dan bilakah skim ini berkuatkuasa?
5. Berapa ramai setinggan di Sungai Nibong Kecil pada masa ini? Apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini?
6. Nyatakan bilangan orang yang terlibat dengan cadangan projek jalan pantai dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membayar gantirugi atau menempatkan semula orang-orang yang terlibat?
7. Berikan butir-butir tentang orang-orang di Pulau serta Tanah Besar yang terlibat dengan projek Jambatan Pulau Pinang dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membayar gantirugi atau menempatkan semula orang-orang yang terlibat itu?
8. Mengapakah kerja-kerja projek jalanraya berhadapan dengan Lapanganterbang Antarabangsa Bayan Lepas dihentikan?
9. Nyatakan bilangan kemalangan akibat skuter-skuter air dan apakah sebab-sebab larangan dikenakan ke atas sukan ini?

10. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pantai-pantai di Pulau Pinang bersih daripada pencemaran?
11. Apakah kesan-kesan kemerosotan ekonomi masakini ke atas industri-industri zon perdagangan bebas di Negeri ini?
12. Apakah kesan-kesan dari kemerosotan ekonomi masakini ke atas perusahaan pelancungan di Negeri ini?
13. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memajukan pelancungan di Negeri ini berkaitan dengan publisiti?
